

**HEARTWARE TOURISM: CONCEPT AND IMPLEMENTATION POTENTIAL IN
TERENGGANU STATE: A PRELIMINARY STUDY**

**PELANCONGAN PERKAKASAN HATI : KONSEP DAN POTENSI PELAKSANAANNYA DI
NEGERI TERENGGANU: SUATU TINJAUAN AWAL**

Wan Mohd Yusof Wan Chik ⁱ, Khiral Anuar Daud ⁱⁱ, Farah Syazrah Mohd Ghazalli ⁱⁱⁱ,
Ahmad Faizal Ramly ^{iv}, Abdul Wahab Mohd Ali ^v & Ahmad Iqbal Mohd Fadzli ^{vi}

- ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Felo Penyelidik Institut Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). mohdyusof@unisza.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). khiralanuar@unisza.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Ketua Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). farahsyazrah@unisza.edu.my
- ^{iv} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Dungun. faizalramly@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Dungun. abdulwahab@uitm.edu.my
- ^{vi} Calon Sarjana, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). iqbalfadzli.edu@gmail.com

Abstract

The global tourism industry is currently experiencing rapid development. Beyond mere geographical locations, human and cultural elements such as history, ethnicity, religion, art, and others also serve as attractions. Terengganu is among the tourist destinations that possess diverse attractions. Various initiatives have been undertaken by involved parties to stimulate tourism growth in Terengganu, yet a tourism concept that can provide a specific identity to the Terengganu tourism industry has not been identified. Therefore, the objective of this study is to develop and introduce the concept of "Heartware Tourism" and its potential application in Terengganu. This qualitative study refers to literature related to Maqasid Shariah, sustainable development, and tourism. The information obtained is analyzed inductively and deductively, considering the Maqasid Shariah disciplinary approach. The study finds that heartware tourism is a holistic tourism development concept involving the process of preserving various elements of local life for enjoyment by both local residents and tourists. This aligns with Maqasid Shariah, which emphasizes well-being and sustainability. Efforts should begin by cultivating awareness among the community to appreciate and preserve the natural environment and cultural heritage. In the context of heartware tourism, the study suggests focusing on four main sectors: the environment, culture and heritage, knowledge and research, and adventure. The study also recommends strengthening these four sectors by developing five indicators: mindset, facilities, activities, hospitality, and policies. In summary, the concept of heartware tourism is an effort to create and promote a tourism climate in line with the identity of Terengganu's people, religion, history, and natural beauty. It needs to be driven collectively by the community and the government to ensure the well-being and sustainability of the local community's life, shared by tourists and visitors alike.

Keywords: *Heartware, Tourism, Islamic Malay Heritage, SDG, Terengganu.*

| | |
|----------------|---|
| Abstrak | <p><i>Industri pelancongan global, kini membangun dengan pesat. Selain lokasi, elemen manusia dan budaya seperti sejarah, etnik, agama, seni dan sebagainya turut menjadi daya tarikan. Negeri Terengganu antara destinasi pelancongan yang mempunyai pelbagai tarikan pelancongan. Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak yang terlibat untuk merangsang pertumbuhan pelancongan di negeri Terengganu, begitupun belum ditemukan suatu konsep pelancongan mampu memberi identiti kepada industri pelancongan Terengganu secara khusus. Justeru objektif kajian ini adalah untuk menggarap dan memperkenalkan konsep "Pelancongan Perkakasan hati" (Heartware Tourism) dan potensi aplikasinya di negeri Terengganu. Kajian kualitatif ini dibuat dengan merujuk kepada bahan kepustakaan berkait Maqasid Shariah, pembangunan lestari dan pelancongan. Maklumat yang diperolehi dianalisis secara induktif dan deduktif dengan mengambil kira pendekatan disiplin ilmu Maqasid Shariah. Kajian mendapati pelancongan perkakasan hati adalah suatu konsep pembangunan pelancongan holistik yang melibatkan proses melestarikan pelbagai elemen kehidupan setempat untuk dinikmati oleh penduduk tempatan dan pelancong. Ini selari dengan Maqasid Shariah yang mementingkan aspek kesejahteraan dan kelestarian. Usaha perlu dengan dimulai dengan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai serta memelihara kelestarian alam dan warisan budaya masyarakat. Dalam konteks pelancongan perkakasan hati, kajian mencadangkan agar tumpuan diberikan kepada empat sektor utama, iaitu: alam sekitar, budaya dan warisan, ilmu dan penyelidikan serta kembara. Kajian turut mencadangkan keempat-empat sektor ini perlu dikukuhkan dengan membangunkan lima indikator iaitu mentaliti, fasiliti, aktiviti, hospitaliti dan polisi. Ringkasnya, gagasan pelancongan perkakasan hati adalah usaha untuk melahirkan dan mempromosi suatu iklim pelancongan yang bersesuaian dengan identiti masyarakat, agama, sejarah dan keindahan alam negeri Terengganu. Ia perlu digerakkan bersama oleh masyarakat dan kerajaan demi memastikan kesejahteraan dan kelestarian hidup masyarakat setempat dan dikongsi oleh para pelancong dan pengunjung.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Pelancongan, Perkakasan Hati, Warisan Melayu Islam, Pembangunan Lestari, Terengganu.</i></p> |
|----------------|---|

PENDAHULUAN

Pelancongan adalah satu fenomena global yang dilihat mula berkembang dengan pesat sejak tahun 1990-an (Siti Salina Masdey & Zuliskandar Ramly, 2018). Mathieson & Wall mendefinisikannya dengan aktiviti pergerakan sementara manusia ke destinasi di luar lingkungan tempat kerja dan tempat tinggal yang biasa (Matura Phanos, 2018) manakala Er Ah Coy pula menyifatkan ia sebagai aktiviti melawat, berkelana atau mengembara ke suatu lokasi yang melebihi lima puluh batu dari lokasi kediaman dalam jangka masa pendek bagi tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang (Sieng, 2021)

Menurut Kamus Dewan, pelancongan bermaksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang) manakala dalam bahasa Arab, perkataan pelancongan menurut al-Khudairi boleh dirujuk kepada *safar*, *rihlah*, *siyahah*, *siyār* dan lain-lain (Md. Ali, 2021). Walau bagaimanapun, perkataan *al-siyahah* dalam konteks semasa merujuk kepada industri pelancongan. Perkataan *al-siyahah* mempunyai banyak makna merangkumi pergerakan dari suatu lokasi ke suatu lokasi untuk bersiar-siar, meninjau, meneroka (wasit) dan ibadah (Ibrāhim Mustafā et al., t.t). Dari sudut syarak ia merujuk kepada banyak pengertian seperti puasa, jihad, keamanan dan berjalan di muka bumi. Makna yang terakhir didapati menghampiri makna perkataan pelancongan dalam konteks semasa sebagaimana dalam firman Allah:

﴿فَسِيحُوا فِي الْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ ۖ وَأَنَّ اللَّهَ مُحْزِي الْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya: "Oleh itu hendaklah kamu (hai kaum musyrik) bergerak di muka bumi (dengan bebasnya) selama empat bulan, dan ketahuilah bahawa kamu tidak terlepas dari (azab seksa) Allah. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah akan menghina orang-orang yang kafir (dengan bala bencana di dunia dan azab seksa di akhirat)." (al-Quran. al-Tawbah 2).

Pelancongan dalam neraca syariat Islam adalah satu amalan rutin kehidupan (*'ādah*) yang pada prinsipnya diharuskan selagi mana tidak bercanggah dengan dalil *tafīlī* dan tidak mendatangkan impak yang mencanggahi kehendak syarak. Ia boleh dinilai sebagai ibadah, sekiranya niat, aktiviti, gaya hidup mahupun tindakan pengendali dan pelancong sejajar dengan motivasi dan garis panduan syarak (Nor Fiteri Abdullah & Masnisah Mukhtar, 2014). Bahkan menurut Md. Ali (2021), salah satu rukun Islam iaitu haji dan umrah boleh diterjemahkan sebagai satu bentuk pelancongan jika dirujuk kepada definisi pelancongan menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia (OPD) iaitu sebarang aktiviti yang melibatkan proses kembara dan menetap di sesebuah tempat yang berada di luar persekitaran mereka dalam tempoh kurang setahun sama ada bertujuan rekreasi, perniagaan atau tujuan-tujuan lain (WTO, 2019). Begitupun pelancongan Islam sendiri salah satu produk pelancongan yang baru diperkenalkan pada peringkat global sejajar dengan realiti permintaan dan penawaran dalam industri pelancongan ini semasa (Lina & Hairul, 2012).

Malaysia secara amnya dilihat sebagai negara yang amat berpotensi dalam industri pelancongan merujuk kepada faktor alam sekitar, masyarakat, sejarah, budaya dan kestabilan sosio-politik. Tidak hairanlah jika industri pelancongan menjadi penyumbang ke tiga terbesar ekonomi negara dengan 14.9 peratus (201.4 billion) pada tahun 2017 (Berita Harian, 2016). Pada tahun 2017, Malaysia menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia.

Namun, sektor pelancongan secara global mahupun domestik di Malaysia, telah terjejas teruk akibat penularan pandemik Covid-19. Akibat sekatan sempadan pada tahun 2020 dan 2021, jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia merosot sebanyak kira-kira 99 peratus. Setelah sempadan dibuka semula pada awal 2022, industri pelancongan secara perlahan pulih, dan negara menyambut lebih dari sepuluh juta pelawat pada tahun tersebut. Walaupun jumlah ini masih jauh lebih rendah berbanding ketibaan pelancong sebelum wabak, Malaysia berjaya meraih lebih daripada RM28 bilion dalam pendapatan pelancongan. Dengan pelancongan antarabangsa dalam pemulihan selepas wabak, kerajaan Malaysia menggalakkan pelancongan domestik dalam kalangan warga tempatan. Pada tahun 2022, negara ini menyaksikan lebih daripada 200 juta perjalanan pelancongan domestik, peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya (Statista Research Department, 2023).

Melihat kepentingan industri pelancongan terhadap ekonomi Malaysia, Perdana Menteri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa kempen 'Visit Malaysia' akan kembali pada tahun 2026. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM 350 juta dalam Bajet 2024 untuk mempromosikan industri pelancongan negara ini secara agresif. Suntikan ini menyasarkan untuk menarik 26.1 Juta pelancong yang akan merencanakan anggaran perbelanjaan Domestik sebanyak RM97.6 Billion (Metro, 2023).

Sebagai sebuah negara destinasi pelancongan Islam yang terbaik, Malaysia diletakkan antara sepuluh negara Islam dari 38 buah negara Islam yang benar-benar memberikan impak dan sumbangan yang besar di peringkat global iaitu Turki, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Mesir, Maghribi, Indonesia, Arab Saudi, Lubnan, Tunisia, Syria dan Malaysia. Malaysia menduduki tempat kedua selepas Turki sama ada daripada segi bilangan ketibaan pelancong mahupun hasil yang dijana dari sektor pelancongan (Haliza Abdul Rahman, 2018).

Begitu pun dalam konteks pelancongan domestik, setiap negeri di Malaysia mempunyai tarikan tersendiri dari sudut lokasi, sosio budaya, pembangunan dan lain-lain.

Oleh yang demikian, negeri Terengganu harus berani mencorak dan mendefinisikan pelancongan sesuai dengan keunikan identiti yang sedia ada, tidak perlu terlalu terikut-ikut dengan identiti lokasi lain yang tidak menggambarkan jati diri negeri Terengganu. Justeru, kertas kerja ini ditulis untuk memperkenalkan satu konsep pelancongan yang disebut sebagai "Pelancongan Perkakasan hati" (*Heartware Tourism*) dan potensi pelaksanaannya di negeri Terengganu. Kertas kerja adalah sekadar gagasan konsep yang membuat garapan secara umum, dan terbuka kepada perbincangan secara lebih terperinci dalam konteks pelaksanaan dan penambahbaikan

METODOLOGI

Kajian berbentuk kualitatif ini dibuat dengan merujuk kepada bahan kepustakaan dan pemerhatian ikut serta. Bahan-bahan kepustakaan yang dikumpulkan adalah merangkumi tajuk Maqasid Shariah, pembangunan lestari (konsep *heartware*) dan pelancongan Islam. Maklumat yang diperoleh dianalisis secara induktif dan deduktif dengan mengambil kira pendekatan disiplin ilmu Maqasid Shariah. Sesuai dengan penulisan berbentuk konsep, perbincangan akan dibuat dalam gagasan dan idea yang bersifat umum supaya ia dapat dibangunkan dan diaplikasi secara lebih fleksibel dan terbuka di lapangan sebenar.

SOROTAN LITERATUR

Pelancongan Dan Maqasid Shariah

Perkataan maqasid menurut al-Zubaydiyy adalah kata jamak kepada perkataan *maqṣad* yang bererti sandaran dan induk. Dari sudut penggunaan semasa, ia merujuk kepada perkataan objektif matlamat dan tujuan. Para ulama mutakhir telah cuba membuat definisi terhadap maqasid. Ibn 'Āshūr misalnya mendefinisikan matlamat-matlamat umum syarak sebagai pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah tertentu yang diambil kira oleh al-Shāri' (Allah) (Ghani et al., 2022).

Menurut Syariat Islam, perbuatan mukalaf sama ada individu mahupun masyarakat dinilai berdasarkan elemen niat atau *maqṣad*, tindakan atau *wasā'il* dan impak atau *ma'āl*. Ketiga-tiga elemen ini adalah dilatari oleh *tasawwur* atau *world view* seseorang individu mahupun sesebuah masyarakat. Secara mudah seseorang individu Muslim akan memahami tiga misi penting kehidupan dunia yang merujuk kepada konsep *ubudiyyah*, konsep *khalifah* dan konsep *ibtilla'* (Wan Mohd Yusof Wan Chik, 2018).

Menurut Basyuni (1987) pelancongan adalah suatu aktiviti pemerhatian (*watchers*). Pelancongan Islam hendaklah digarap menjadi salah satu aktiviti yang sengaja dilakukan dengan tujuan menghargai keindahan ciptaan tuhan melalui pemerhatian terhadap tanda, sejarah dan tarikan buatan manusia yang merupakan hadiah paling besar dari tuhan. Justeru matlamat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pergerakan manusia dalam bermusafir dan melancong adalah untuk bertadabbur. Ini kerana alam yang ada di sekitar hakikatnya adalah tanda kekuasaan Allah S.W.T. Dari tadabbur inilah manusia mendapat pengajaran untuk lebih tunduk kepada Allah yang Maha Bijaksana mahupun memanfaatkan ciptaan-Nya demi kebaikan dalam kehidupan mereka.

Manusia sebagai makhluk sosial, tidak mampu hidup statik dan bersendirian. Ia perlu bergerak untuk bersosial dan meneroka sumber dari luar lokasi tempat tinggalnya.. Justeru pergerakan manusia mungkin berobjektifkan kemaslahatan dunia seperti mencari kehidupan baru, mencari rezeki, istirahat, berhibur, mencari harta dan bermewah. Mungkin juga bermotifkan akhirat seperti ibadah haji, jihad, menuntut ilmu dan mempertautkan hubungan manusia. Al-Harmaneh (2012) turut menekankan pelancongan sebagai mekanisme memperkenalkan budaya hidup masyarakat Islam kepada masyarakat manusia sejagat.

Al-Jurjāwī pula dalam huraianya terhadap maqasid haji dan umrah menyebut bahawa aspek perniagaan dan ekonomi dapat dimakmurkan dengan berlakunya musafir sebagaimana pentingnya *riḥlah* musim sejuk dan musim panas yang disebut dalam surah *al-Quraysh*. Justeru sektor pelancongan hakikatnya adalah suatu industri yang cukup

membantu dalam menyuntik kepesatan ekonomi setempat mahupun sejagat. Ungkapan beliau bahawa ibadah haji adalah “*mawsim iqtisādī wa tijārī*” cukup menggambarkan ibadah haji yang melibatkan musafir dan pelancongan sebagai suatu mekanisme penting kemakmuran perdagangan dan ekonomi (al-Jurjāwī, 2018).

Sebagai suatu *wasā'il*, aktiviti pelancongan hakikatnya tidak terlepas dari lingkungan status hukum syarak. Syariat Islam telah menjelaskan banyak aspek berkait dengan aktiviti pelancongan seperti adab dan hukum musafir, ziarah, tetamu, *isti'zan* dan lain-lain. Menurut disiplin Maqasid Shariah hal ehwal seperti ini perlu dibuat penelitian tahap keperluannya adakah *darūriyyāt*, *hājjiyyāt* atau *taḥsīniyyāt*. Hal ini adalah merujuk kepada keperluan, peluang dan hasil dari sesuatu aktiviti melancong. Melancong sebagai jalan keluar dari penindasan demi menjaga agama dan keturunan dalam konteks individu, mungkin boleh dilihat sesuatu yang *darūriyyāt* untuk orang Uyghur di negara China hari ini. Ia boleh jadi *hājjiyyāt* jika dinisbahkan kepada pedagang yang melancong untuk mencari ruang meluaskan pasaran perniagaan. Ia juga boleh dilihat sebagai *taḥsīniyyāt* jika pelancongan itu untuk merehatkan minda dan merapatkan hubungan sesama ahli keluarga.

Bahkan aktiviti ini mampu menjadi suatu ibadah jika dilakukan dengan niat yang benar dan cara yang diizinkan syarak. Islamic Tourism Centre (2012) menjelaskan bahawa, pelancongan Islam merupakan satu segmen dalam aliran industri pelancongan utama yang mempunyai ciri-ciri tambahan iaitu mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan. Ia bermakna setiap aktiviti atau rancangan yang diadakan haruslah dijalankan bersesuaian untuk umat Islam atau erti kata lain berlandaskan syariah. Maka, untuk memastikan pelancongan adalah berlandaskan falsafah Islam, niat atau tujuan perjalanan adalah penting, yang mana ianya perlu dilakukan dengan niat yang betul dan dilaksanakan mengikut syariat Islam. Natijahnya, konsep pelancongan Islam tidak boleh hanya dijustifikasikan sewenang-wenangnya. Ia haruslah mencakupi semua jenis pelancongan yang bertujuan menghormati serta menghargai prinsip-prinsip keagamaan, menjejaki tamadun lama dan warisannya, melawat bandar dan negara untuk mengenalinya, berehat atau untuk tujuan rekreasi dan rawatan (Noor Shakirah, 2010).

Antara perbincangan fiqh dan Maqasid Shariah yang amat relevan untuk diadaptasi perbincangannya dengan sektor pelancongan adalah bab haji. Menurut Sheikh Ahmad al-Jurjāwī bahawa pengutusan para rasul adalah bertujuan untuk menyatukan pelbagai kategori manusia atas asas agama. Mereka mempunyai identiti yang pelbagai dari sudut bangsa, bahasa, peradaban, lokasi dan lain-lain. Ibadah haji adalah mekanisme untuk menyatukan dan mendekatkan mereka. Difahami di sini pelancongan walaupun tidak sampai tahap menyatukan tetapi ia adalah mekanisme yang boleh mendekatkan mereka, sekali gus membuka pintu untuk mereka lebih saling memahami. Beliau juga turut menegaskan aspek ‘*watchers*’ dalam menjelaskan ayat (al-Quran. al-Hajj: 28) yang merujuk kepada elemen bertukar pengalaman dan pengajaran sesama mereka sama ada di bidang pembuatan, pertanian dan sebagainya. Di samping itu elemen pasrah rasa kehambaan dan kepasrahan dalam perantaraan akan terbina seseorang yang bermusafir. Kesusahan dan kepayahan yang ditangani dengan kesabaran sepanjang musafir adalah amat membantu seseorang itu untuk mendidik akhlak.

Konsep ‘Heartware’

‘Heartware’ secara tekstualnya boleh diterjemahkan “perkakasan hati’. Konsep pelancongan perkakasan hati adalah diadaptasi dari konsep kelestarian yang disebut sebagai *heartware* yang diterapkan dalam bidang pemuliharaan alam sekitar. Ia digunakan untuk merangka suatu pendekatan secara integrasi dalam pengurusan tadahan air dalam program ‘*Asia Core Programme on Risk-Based Oriented Integrated Watershes Management*’ (ACP-IWM) yang dikendalikan oleh sebilangan penyelidik dari Malaysia dan Jepun. Ia kemudiannya diadaptasi ke dalam projek “*Water Warrior*” di Universiti Malaya (Zeeda et al., 2015) dan Kelab Alami Kawa di Sungai Selangor.

Konsep ini pertama kali diterapkan ke dalam program *International Lake Basement Management* (ILBM) yang diuruskan oleh *International Lake Environmental Committee*

Foundationa (ILEC) untuk mencapai pengurusan lestari secara beransur-ansur, berterusan dan holistik. Ia digerakkan dengan menggalakkan integrasi secara dinamik berlaku antara keenam-enam tiang utama ILBM: Institusi, polisi, informasi, teknologi, kewangan dan partisipasi (Nakamura, 2010). Hasil yang diperoleh dalam proses berterusan selama lima belas tahun ini, disifatkan sebagai satu pembelajaran yang amat positif kepada semua pihak yang terlibat. Tambahan pula, dengan reputasi Jepun yang dikira antara negara yang amat komitmen dengan isu-isu alam sekitar.

Pada asalnya terma *heartware* diilhamkan oleh Harashina (1996). Ia mulanya digunakan sebagai komponen ketiga dalam merancang pembangunan alam sekitar secara berkesan di kawasan bandar; sebagai tambahan kepada pendekatan *hardware* dan *software*. Beliau menegaskan bahawa perancangan alam sekitar yang berkesan memerlukan interaksi dan kolaborasi dinamik antara tiga komponen *heartware*, *hardware* dan *software*. *Hardware* dirujuk kepada fabrik fizikal sebuah bandar seperti penggunaan tanah dan struktur spatial. *Software* dirujuk kepada sejumlah peraturan dalam bentuk sistem, institusi sosial, peraturan dan undang-undang. Manakala *heartware* adalah merujuk kepada mekanisme emosi-kelakuan dan kelakuan individu yang menentukan keperluan mereka, kehendak dan keinginan dan prosesnya.

Menerusi pelaksanaan konsep ini di Tasek Biwa yang diketuai oleh Gabnor Yukido Kada, penekanan diberikan kepada aspek nilai bersama berasaskan komuniti (*Community based-shared value*) yang menjadi strategi utama pemuliharaan Tasek Biwa sebagai tasik induk tadahan air. Ia digerakkan melalui Prinsip Simbiosis antara Tasek Biwa dan masyarakat dengan misi menjadikan Tasik Biwa yang bersih untuk generasi akan datang berpandukan kepada tiga konsep utama (Zeeda et al., 2015) iaitu: empati, kewujudan bersama, dan harta bersama.

- i. Nilai Empati: mengenal pasti elemen perasaan yang mengikat antara masyarakat dan lokasi setempat. Secara semula jadi setiap anggota masyarakat mempunyai pandangan dan sikapnya sendiri terhadap Lake Biwa. Oleh itu, bukanlah sesuatu yang mudah untuk menyelaraskan pandangan, sikap serta gaya hidup semua anggota masyarakat dan kemudian diterima sebagai norma bersama komuniti. Langkah mempromosikan lagi “gerak kerja berasaskan komuniti” harus ditingkatkan demi meningkatkan persefahaman dan kerjasama mereka dalam mencapai misi pemuliharaan yang komprehensif.
- ii. Nilai kewujudan bersama: Sinergi bersama antara pemuliharaan dan gaya hidup aktif. Anggota masyarakat tidak boleh meninggalkan kehidupan aktif, gaya hidup dan piawai hidup sejahtera, tetapi mesti meminimumkan kesan negatif dengan cara menikmati kewujudan tasik yang kaya dengan ekologi dan menggunakannya dengan bijak.
- iii. Nilai pemilikan bersama : Tasik Biwa adalah aset yang harus dipelihara oleh generasi sekarang untuk generasi mendatang kerana mereka telah mewarisi daripada generasi lampau. Setiap generasi harus dikekalkan peluang untuk merasai dan menikmati keindahan dan kekayaan Tasek Biwa sebagai anugerah alam.

Secara keseluruhannya usaha pemuliharaan sesebuah tadahan air seperti Tasik Biwa memerlukan perasaan untuk menghormati elemen tradisi yang positif di sekitarnya, sejarah keharmonian antara tasik dan rakyat, dan keterikatan emosi secara bersama yang mendalam untuk memulihara tasik.

Idea aplikasi konsep *heartware* dari Tasik Biwa ini dikembangkan secara menarik di Sungai Selangor kerana projek empangan Sungai Selangor dibimbangkan akan menggugat tradisi sosio-kehidupan dan industri eko-pelancongan kelip-kelip hiliran Sungai Selangor, khasnya di kampung Kuantan (Moktar Jaafar, 2009). Begitu pun Kelab Alami Kawa, yang kini dikenali dengan aspirasi Kawa melakukan proses pengadaptasian dan penyesuaian yang selaras dengan latar belakang komuniti Sungai Kuantan. Nilai Bersama

komuniti yang digunakan adalah seperti berikut : Industri, ekosistem, gaya hidup, landskap, spiritual dan sumber air.

Apa yang menarik dalam konsep *heartware* adalah penekanan kepada aspek kolaborasi pelbagai individu, komuniti dan institusi untuk membangunkan nilai bersama komuniti dalam menghargai persekitaran mereka sebagai sesuatu yang perlu dipulihara dan diwariskan kepada generasi akan datang. Dalam masa yang sama, ia akan menjadi daya penarik kepada para pelancong untuk bukan sahaja menikmati keindahan alam tetapi juga melihat ia adalah hasil kebersamaan masyarakat dalam memulihara alam secara berpakej dengan nilai-nilai bersama masyarakat tersebut. Justeru elemen tarikan sesuatu lokasi pelancongan, seharusnya bukan tertumpu pada lokasi dan fasiliti fizikal sahaja, bahkan perlu dikaitkan dengan nilai bersama yang dikongsi oleh manusia dan masyarakatnya dan diikat rapi untuk alam dan manusia untuk berinteraksi secara harmoni dalam kehidupan.

Sebenarnya penekanan terhadap nilai-nilai di sebalik aktiviti, polisi dan peraturan yang ditekankan dalam konsep '*heartware*' ini juga adalah sebahagian daripada fokus perbincangan ilmu Maqasid Shariah. Bezanya dalam Maqasid Shariah elemen nilai yang ditekankan turut merangkumi aspek nilai kehamban yang disebut sebagai '*al-ta'abbudiyah*' (Wan Mohd Yusof Wan Chik & Abdul Karim Ali, 2015). Kehilangan aspek nilai hukum syarak daripada kehidupan umat Islam adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian (Wan Mohd Yusof Wan Chik, 2010). Justeru pendekatan '*heartware*' atau 'perkakasan hati' dalam industri pelancongan Islam adalah sesuai menjadi suatu penjenamaan semula kepada industri pelancongan Islam yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

Negeri Terengganu Dan Pelancongan

Negeri Terengganu adalah sebuah negeri yang terletak di pantai timur, Semenanjung Malaysia. Ia berkeluasan lebih kurang 12,956 kilometer persegi, panjang 21.5 kilometer dan selebar 96.60 kilometer. Selain pantainya yang memanjang ia juga memiliki pergunungan dan perbukitan di sebahagian besar negeri (Rashid Hamat, 2019). Dalam sejarah sebelum merdeka ia termasuk dalam negeri Melayu Bersekutu. Ia adalah negeri yang didiami oleh majoriti kaum bumiputera berbangsa Melayu. Secara amnya unsur etnik seperti Jawa, Bugis, Mandaileng, Minangkabau dan lain-lain adalah sesuatu yang bukan isu di negeri Terengganu kerana ia sudah berasimilasi dalam rumpun Melayu. Islam dikatakan sudah bertapak di Negeri Terengganu semenjak abad ke 13 masihi lagi. Pada abad ke 18, 19 dan 20 negeri Terengganu diperintah oleh kesultanan yang amat memberatkan hal ehwal agama dengan di bantu oleh para ulama tempatan mahupun yang berasal dari negara Arab.

Industri pelancongan negeri Terengganu semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pelbagai produk dibangunkan dan diketengahkan. Berdasarkan laman rasmi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (2023), visi pelancongan negeri adalah menjadikan sektor pelancongan sebagai pemacu utama untuk pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu. Sementara misi pelancongan negeri pula untuk menarik dan meningkatkan pelancong untuk mereka membelanjakan melalui peningkatan daya tarikan dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta menjadikan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan menjadikan Terengganu sebagai destinasi pilihan. Laman sesawang tersebut ada menetapkan tujuh strategi asas dalam pembangunan pelancongan Terengganu, iaitu

- i. Mempersembahkan aktiviti seni budaya warisan negeri untuk tatapan pelancong.
- ii. Kepelbagaian produk tarikan pelancongan, pengangkutan, pakej-pakej pelancongan dan lain-lain lagi.
- iii. Penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur yang lebih selesa dan memberi kepuasan maksimum kepada pelancong.
- iv. Mengadakan aktiviti promosi produk dan destinasi tarikan pelancongan dengan lebih fokus, bersepadu dan berterusan dengan penjenamaan semula agar lebih berkesan untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

- v. Mengadakan aktiviti pelancongan dan kebudayaan yang berkualiti yang mempunyai kekuatan dan keunikannya yang tersendiri dan diadakan secara berterusan bagi tujuan *event branding*.
- vi. Memperkasa pembangunan sumber manusia dan modal insan dalam memastikan mutu perkhidmatan yang berkualiti di samping mewujudkan peluang-peluang yang terhasil daripada industri pelancongan.
- vii. Membudayakan dan memperkasa pelancongan di semua portfolio Negeri Terengganu.

Laman sesawang tersebut turut meletakkan lima kluster utama pelancongan negeri merangkumi pulau dan pantai, Tasik Kenyir, Kuala Terengganu : Bandar Warisan Pesisir Air, alam semula jadi serta lain-lain (Seni, Budaya dan Warisan, alam semula jadi, Setiu Wetland dan makanan). Realiti negeri Terengganu walaupun kaya dengan daya tarikan pelancongan, masih ketinggalan dan tidak berada dalam senarai kategori teratas negeri yang dikunjungi dan bermalam oleh para pelancong. Menyedari hal ini, pelbagai inisiatif dan langkah perlu diambil oleh pihak berwajib, badan bukan kerajaan dan masyarakat dalam memartabatkan sektor pelancongan sama ada di peringkat domestik ataupun luar negara.

Tidak hairanlah jika Kerajaan Terengganu berdasarkan Pelan Strategik Pelancongan Terengganu 2019-2023 berusaha meningkatkan jumlah kedatangan pelancong sehingga 6.5 juta orang setahun dengan pendapatan sehingga RM6 bilion menjelang 2025. Ia akan menjadi rujukan dalam menentukan hala tuju strategik pelancongan Terengganu. Antara pendekatan akan dilaksanakan ialah mengadakan pelbagai promosi dan acara menarik, kreatif, berkesan dan jelas terutamanya dengan adanya produk pelancongan menarik dan terkini seperti jambatan angkat (*drawbridge*) yang menjadi mercu tanda baharu Terengganu (Sinar Harian, 2019).

Tambahan pula, berdasarkan pembentangan Belanjawan Kerajaan Negeri Terengganu 2024, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar menegaskan industri pelancongan perlu diperkasa dengan kepelbagaian produk, ketersediaan kemudahan dan pemuliharaan bermacam-macam sumber untuk menarik 13.2 juta pelawat domestik termasuk 4.5 juta pelancong, iaitu 20 hingga 30 peratus lebih ramai berbanding tahun 2022 (Portal Rasmi Negeri Terengganu, 2023).

Langkah kerajaan negeri Terengganu ini dilihat amatlah strategik jika diselarikan dengan unjuran pelancongan Islam yang dilihat makin meningkat. Negeri Terengganu yang sedari dahulu dikenali dengan nilai beragama dalam kehidupan masyarakat dilihat wajar mengambil peluang untuk menggamit pelancong di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Suasana Islamik yang sudah menjadi darah daging masyarakat Terengganu seharusnya menjadi tarikan utama pelancong. Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan elemen kearifan setempat masyarakat Melayu Terengganu yang diadun dengan elemen Islam dalam pelbagai bidang seperti seni bina, marin, batik, pertukangan tembaga, songket dan lain-lain. Justeru penerapan nilai Islam dalam pelancongan merupakan perkara penting yang harus ditekankan pada masa kini selaras dengan hasrat untuk menarik lebih ramai pelancong Islam. Usaha ini diharapkan dapat memberikan imej sebenar masyarakat Islam yang penuh dengan nilai-nilai positif seperti berdisiplin, bersopan santun, ramah, prihatin, penyayang dan suka membantu.

Usaha penting yang perlu digarap dalam usaha menjulang sektor dan industri pelancongan negeri bukanlah sekadar lokasi dan program mahupun pelancong. Sebaliknya, pemeliharaan identiti dan keperibadian masyarakat Melayu Islam Terengganu sebagai suatu anugerah yang perlu dinikmati oleh anak negeri dan dikongsi kepada para pelancong. Justeru kefahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap komponen *Heartware* dalam kerangka alam dan kehidupan inilah yang perlu digarap dalam bentuk sebuah konsep pelancongan yang kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk tindakan dalam program mahupun projek di seluruh negeri. Penjenamaan semula identiti pelancongan negeri Terengganu sebenarnya amat sesuai dengan '*trend*' kunjungan pelancong di Terengganu

yang begitu mendadak pasca pandemik. Dalam masa yang sama, sektor pelancongan harus dilihat sebagai satu medium dakwah *bi al-hāl* yang praktikal dan sesuai dengan kepesatan industri pelancongan global.

DAPATAN KAJIAN

Konsep ‘Pelancongan Perkakasan hati’ adalah kolaborasi antara prinsip Maqasid Shariah dan konsep *Heartware* yang diterapkan dalam sektor pelancongan dengan menekankan aspek keinginan bersama masyarakat setempat untuk menjaga dan menghargai apa yang ada untuk dinikmati oleh mereka dalam kehidupan dan dalam masa yang sama adalah produk yang dapat dikongsi kepada masyarakat luar. Ia didefinisikan sebagai “*pembangunan lestari dunia pelancongan yang bermula dengan semangat memelihara alam, sejarah, budaya dan agama dalam kalangan masyarakat tempatan untuk dipersembahkan kepada masyarakat sejagat*”. Terdapat beberapa asas yang penting yang perlu digerakkan dalam menjayakan konsep pelancongan ini, iaitu :

- i. Mengesan nilai bersama berasaskan komuniti (*Community based-shared value*) yang boleh digunakan untuk merangsang kelestarian kehidupan, sekali gus sektor pelancongan.
- ii. Menanam semangat menghargai dan memelihara keunikan yang ada pada sesebuah kawasan di kalangan anak tempatan. Dalam konteks negeri Terengganu ia merangkumi aspek alam sekitar, sejarah, budaya dan alam sekitar.
- iii. Menggerakkan masyarakat tempatan untuk memelihara anugerah alam, sejarah, budaya dan agama setempat untuk dinikmati oleh mereka sendiri sebelum untuk dipersembahkan oleh pelancong
- iv. Menanam semangat untuk mewariskan alam, sejarah, budaya dan agama kepada generasi mendatang sebagai anugerah milik bersama
- v. Mempersembahkan gaya hidup dan budaya asli setempat sebagai aset pelancongan yang boleh dinikmati oleh sejagat.
- vi. Menjadikan pelancongan sebagai medium dakwah.

Dalam masa yang sama, pelancongan ini harus dikawal dari sudut objektif dan nilainya oleh Maqasid Shariah, manakala dari sudut aplikasinya akan dirujuk kepada Syariat Islam bersesuaian dengan kehendak kerajaan dan rakyat semasa. Justeru sektor pelancongan perkakasan hati harus dimulakan dengan transformasi mental dan jiwa masyarakat Terengganu terhadap *community based-shared value* yang mereka miliki secara bersama. Ia merangkumi elemen bangsa, agama, kebudayaan, budaya, gaya hidup, sejarah dan alam sekitar. *Community based-shared value* inilah yang menjadi teras kepada keperibadian masyarakat dan alam sekitarnya.

Dalam konteks pelancongan perkakasan hati : *Hardware* dirujuk kepada bumi Terengganu termasuk lokasi dan fasiliti. Manakala *Software* : Merujuk kepada polisi, peraturan, garis panduan dan undang-undang yang diaplikasi di negeri Terengganu. Manakala *Heartware* boleh dilihat kepada *Community based-shared value* yang tentunya melibatkan kepada bangsa, agama, alam sekitar, sejarah, budaya dan warisan. Manakala dalam konteks pelancongan Islam ia perlu diasaskan kepada pandangan alam (*world view*) masyarakatnya. Dalam konteks Terengganu secara dasar ia tentulah boleh dirujuk kepada Islam dalam kerangka adab dan kebudayaan Melayu. Dalam masa yang sama ia perlu mengambil kira konsep pembangunan pelancongan mapan sebagaimana yang digambarkan oleh (Weaver, 1998) sebagai:

“Tourism which is developed and maintained in an area (community, environment) in such a manner and at such a scale that it remains viable over and indefinite period and does not degrade or alter the environment (human and physical) in which it exists to such a degree that it prohibits the successful development and well-being of other activities and processes”.

Justeru melihat kepada latar belakang geografi, demografi dan kebudayaan yang di Terengganu kajian mendapati terdapat empat sektor pelancongan yang perlu diketengahkan di Terengganu

Pelancongan Alam Sekitar

Terengganu mempunyai keunikan tersendiri dari sudut alam sekitar. Kepulauannya yang memukau, pantainya yang memanjang, datarannya yang luas, sungai-sungai yang tidak tercemar dan tanah-tinggi yang menggunung. Di tambah pula dengan adanya Tasik Kenyir dan kawasan hutan di Wilayah Ketengah yang kaya dengan khazanah bio diversiti yang mampu menjadi tarikan pelancong. Kawasan tasik kenyir berkeluasan 209,199 hektar. Dan mempunyai hampir 400 pulau dengan pelbagai bentuk dan habitat baru. Kawasan hutan hujan di sekelilingnya mempunyai pelbagai spesies flora dan fauna. Ini termasuklah koleksi paku pakis liar, bunga orkid eksotik, burung kenyalang, gajah dan harimau bintang. Ia turut menempati lebih 8000 spesies bunga, 2500 spesies tumbuhan, 800 spesies orkid dan 300 spesies kulat. Sebagai contoh, gaya kehidupan masyarakat Madrasah Khairul Insan, Jenagor, Hulu Terengganu yang merupakan pusat pemulihan dadah, mampu memberi pengalaman hidup yang amat dekat dengan alam semula jadi dan tatacara hidup masyarakat alam Melayu Nusantara. Ia tentunya memberikan pengalaman yang berlainan dari apa yang dialami oleh masyarakat umum kini.

Dalam konteks pulau, Terengganu amat terkenal dengan pulau-pulau pelancongan seperti Pulau Perhentian, Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Tenggol yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pengangkutan, penginapan, sukan dan lain-lain (JPNT, 2021). Begitupun aspek penjagaan infrastruktur dan alam sekitar sering dikesampingkan oleh pelancong mahupun masyarakat setempat kerana tidak prihatin dengan konsep kelestarian alam (Muhammad Faiz Ramli & Hanizah Idris, 2016)

Pelancongan Warisan dan Budaya

Sektor ini meliputi aspek sejarah, warisan, kebudayaan dan seni. Ia amatlah berpotensi di negeri Terengganu, dan perlu diberi tumpuan yang lebih pada hemat penulis. Sebagai sebuah negeri yang dihuni oleh Masyarakat Melayu Muslim dan dikatakan Islam sudah bertapak di sini sejak abad 13 Masihi lagi, tentunya ia dipenuhi pelbagai sejarah dan warisan. Jika diingati semula, kearifan tempatan negeri terengganu kaya dengan warisan sejarah Islam, sejarah kesultanan negeri termasuklah sejarah penjajahan.

Terdapat banyak bangunan-bangunan dan tempat bersejarah terbiar di serata negeri. Kehilangan Kampung Tanjung yang terletak di pinggir muara Sungai Terengganu sepatutnya menjadi sempadan untuk pihak berwajib lebih memelihara tradisi di negeri ini. Akibatnya, warisan berharga seperti pusat pertukangan tembaga tidak diberikan perhatian, dan hanya menjadi sekadar ingatan sejarah bagi sebilangan kecil masyarakat yang mengetahuinya. Hal ini tidak jauh bezanya dengan khazanah seni pembinaan kapal Terengganu. Jika tidak diangkat keunikan seni ini sewajarnya, adakah kita sedari warisan ini juga bakal hilang?

Kejayaan masyarakat Cina Terengganu memartabatkan Kampung Cina sebagai Kampung Warisan Cina seharusnya dijadikan contoh. Masyarakat Melayu Terengganu sebenarnya punyai warisan yang lebih tua, tetapi semangat menjaganya kurang dipupuk. Alangkah baiknya jika Kerajaan Negeri berusaha untuk mewartakan tanah sekitar Kampung Cabang Tiga, Kampung Losong, Pulau Ketam, Pulau Sekati dan Seberang Takir sebagai Kampung Warisan Melayu Nusantara. Di kampung Losong umpamanya masih banyak bangunan lama yang mampu menggambarkan keunikan seni bina kayu Terengganu. Justeru budaya dan warisan yang diperkenalkan adalah budaya Terengganu, bukan budaya orang lain yang kita import. Hal ini akan lebih menarik jika idea Taman Tamadun Islam dikembangkan dalam Taman Seni Bina Nusantara yang dapat mengumpulkan seni bina bahkan lain-lain seni tampak disebut perkampungan budaya. Selain itu, konsep kehidupan semula jadi bangsa Melayu Nusantara sebagaimana yang diterapkan di Madrasah Khairul

Insan, Jenagor (MKI) patut dikembangkan, termasuklah genre muzik kumpulan Dendang Anak.

Di samping itu, Terengganu juga mempunyai sebilangan makam ulama, pemimpin dan pejuang yang patut dihargai. Ia harus dimanfaatkan untuk menanamkan semangat cinta agama dan patriotisme dalam kalangan generasi mendatang. Majlis memperingati para ulama, pemerintah dan sejarah perlu dilihat sebagai aset besar dalam industri pelancongan dengan meletakkan garis panduan syarak yang bersesuaian dan dijalankan secara terkawal.

Terengganu juga mempunyai satu lokasi sejarah yang cukup berpotensi untuk menjadi menjadi 'Bandaraya Bersejarah'. Kampung Bukit Besi di Mukim Besol, Dungun ternyata kaya dengan warisan perlombongan bijih besi daripada Jepun dan British. Terlalu banyak artifak binaan di sekitar Bukit Besi dan Dungun yang kini menghampiri usia seratus tahun dan berpotensi digazetkan sebagai warisan dunia tidak lama lagi (Marilah Sarman, 2021). Bukit Besi pernah menjadi metropolitan ke tiga di Tanah Melayu selepas Singapura dan Kuala Lumpur. Tambahan pula, dengan pembinaan Muzium Bukit Besi yang begitu unik oleh pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Tengah (KETENGAH), adalah wajar untuk dijadikan tempat yang penting dikunjungi oleh pelancong.

Selain itu, budaya hidup yang merangkumi peradaban dan budaya Melayu Terengganu merangkumi kampung budaya, kampung warisan, seni perkapalan dan maritim, seni songket dan batik, seni pertukangan besi dan tembaga, seni silat, seni bina, seni bunyi-bunyian, kraf tangan, seni kulinari, permainan tradisional, loghat kedaerahan, persuratan Melayu Terengganu, gaya hidup tempatan (nelayan, petani dan kampung tradisional) dan sebagainya juga perlu diketengahkan sebagai tarikan pelancong yang datang ke negeri ini.

Pelancongan Ilmu dan Penyelidikan

Antara sektor pelancongan yang berpotensi diketengahkan, malah jarang diperkatakan di Terengganu adalah pelancongan ilmu, terutamanya ilmu-ilmu Islam. Ini kerana Terengganu memang memilikii sejumlah ulamak yang tersohor seperti Tok Pulau Mnais, Haji Kadir Bukit Byas, Tokku Tuan Besar, Tokku Paloha dan lain-lain (Syed Hadrulati Syed Omar et.al 2014) Wujudnya tokoh-tokoh dan institusi pengajian agama seperti pondok, sekolah, kolej mahupun universiti perlu dimanfaatkan dengan mengadakan siri daurah, kursus, bedah buku, wacana ilmu, seminar dan bengkel dan lain-lain secara berterusan. Justeru aktiviti-aktiviti seperti ini harus dimasukkan juga dalam senarai aktiviti pelancongan. Ia bukan sahaja mengembangkan budaya ilmu di kalangan masyarakat setempat, malah memberi pengalaman pembudayaan ilmu kepada masyarakat luar.

Pelancongan ilmu kebiasaanya amat membantu dalam menyuntik kemakmuran ekonomi buat peniaga-peniaga kecil. Ini kerana peniaga-peniaga ini biasanya akan bergerak bersama dengan majlis-majlis ilmu yang diadakan oleh figura-figura ilmu dan dakwah semasa. Kehadiran penuntut ilmu, biasanya akan diiringi oleh keluarga mereka ke negeri Terengganu hakikatnya telah membawa kemakmuran ekonomi kepada penduduk tempatan (Balqis Ibrahim et al., 2019). Ini dikukuhkan lagi dengan sebilangan masjid yang menarik di Terengganu seperti Masjid Kayu Seberang Jertih Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al-Muktafi Billah Shah Masjid Kristal Masjid Tengku Tengah Zaharah Masjid Sultan Zainal Abidin Masjid Al-Muktafi Billah Shah (Mohd Hilmee Umar & Muhamad Faizal Ashaari, 2019).

Di samping aktiviti ilmu, aktiviti penyelidikan berkait dengan kemasyarakatan, agama, sains dan teknologi sangat berpotensi dijalankan di negeri Terengganu. Daerah Kuala Nerus amat berpotensi untuk dijenamakan sebagai 'Bandar Ilmu' memandangkan ia memiliki sejumlah institut penjian tinggi seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP), dan lain-lain. Antara contoh penyelidikan berimpak yang boleh dilakukan adalah kajian pembangunan sistem aliran air di sekitar Bandar al-Wathiqu Billah Kuala Nerus yang berdekatan dengan UniSZA, UMT dan ILP.

Pelancongan Kembara, Kesukarelawan dan Gaya Hidup Sihat

Alam sekitar yang menarik dalam pelbagai bentuk muka bumi adalah antara keistimewaan negeri Terengganu. Justeru banyak program boleh dianjurkan sama ada di kawasan pantai, bertanah lembap (*wetland*) hinggalah di pedalaman. Sebagai contoh kawasan sekitar Wilayah KETENGAH yang meliputi Hulu Dungun, Tasik Kenyir dan Setiu sesuai sekali untuk program kembara lasak menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Program-program seperti gotong royong, sukan tradisi, pendakian bukit, basikal lasak dan lain-lain juga boleh digalakkan kerana ia lebih merakyat, menepati gaya hidup sihat, menghargai alam sekitar, melahirkan semangat patriotisme, dan sekali gus menyanjung budaya serta warisan.

Dalam melestarikan konsep pelancongan perkakasan hati, lima indikator teras berikut perlu ditanam dan digerakkan secara berstrategi. Ia merangkumi elemen: Mentaliti, Fasiliti, Aktiviti, Hospitaliti dan Polisi

Mentaliti adalah merujuk kepada objektif dan *world view* kehidupan yang tidak boleh dipisahkan dari elemen agama, bangsa dan zaman. Kerangka *world view* agama sebagai hamba Allah dan Khalifah yang mengurus alam secara berhemah harus menjadi agenda pihak berwajib dalam usaha mengangkat mentaliti rakyat Terengganu. Kerangka *world view* sebagai bangsa Melayu yang punyai sistem nilai yang tersendiri yang berasimilasi dengan Islam harus dikekalkan. Kerangka zaman yang melihat bahawa kehidupan adalah tidak jumud dan sesuatu komuniti harus bersifat dinamik dalam menghadapi cabaran kehidupan moden. Ini sekali gus akan mengukuhkan aplikasi kepada pelancongan Islam.

Fasiliti adalah merujuk kepada kemudahan fizikal di sekitar kawasan pelancongan terutama yang berkaitan dengan isu perkhidmatan seperti pelestarian lokasi kunjungan, tandas, papan tanda, tong sampah, tempat berteduh, keselamatan, bau dan sebagainya.

Hospitaliti merujuk kepada sikap masyarakat Terengganu terutama golongan peniaga, pemandu dan pekerja sektor pelancongan. Ia melibatkan etika berkomunikasi, keterampilan, kesopanan dan keramahan. Isu-isu seperti mengenakan cas harga yang lebih tinggi kepada pelancong, mengurangkan kualiti barang, bersikap kasar, bersikap sambil lewa, memungkir janji untuk mendapat tawaran yang lebih tinggi seharusnya ditangani dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Sikap dan Hospitaliti Industri Pelancongan.

Aktiviti pula merujuk kepada pemilihan aktiviti-aktiviti pelancongan yang benar-benar mempamerkan budaya Melayu dan Islam negeri Terengganu dan bersesuaian dengan masa serta lokasi. Aktiviti-aktiviti ini seharusnya bukan dibuat sekadar untuk keseronokan sahaja tetapi turut menanam nilai-nilai murni dari sudut keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kesukarelawan dan pembangunan lestari. Apa yang penting ditegaskan bahawa pelancongan Perkakasan hati ini adalah sebahagian daripada usaha pelestarian alam memerlukan masyarakat yang proaktif mesra warisan dan mesra alam sekitar dari segi minda dan budaya hidup yang mempunyai kesamaan dari sudut cita rasa, kefahaman dan nilai, biarpun amalan yang mungkin sedikit berbeza. Dengan kata mudah pelancongan perkakasan hati tidak mungkin akan berjaya tanpa dukungan masyarakat yang memiliki minda kelas pertama (Zaini Ujang, 2009)

Polisi adalah merujuk kepada dasar, penjenamaan dan undang-undang yang ada di negeri Terengganu. Sebagai contoh dasar dalam penggunaan beg plastik, polisi hijau, dasar pembangunan lestari, dasar pengurusan sisa, enakmen-enakmen perundangan Islam serta dasar kelestarian budaya dan warisan di peringkat negeri perlu diusahakan. Kesemua ini sebenarnya dapat difahami dari gambaran kekuatan dan kelemahan masyarakat Terengganu dalam suatu syarahan bertajuk "Terengganu : Pengantarabangsaan Sebuah penempatan" (Muhammad Abu Bakar, 2021).

KESIMPULAN

Negeri Terengganu Darul Iman merupakan sebuah negeri yang amat berpotensi dalam Industri Pelancongan. Konsep pelancongan Perkakasan hati ni dilihat amat bersesuaian dengan keperibadian negeri sama ada dari sudut alam, masyarakat mahupun

kecenderungan keagamaan. Ia adalah sejajar dengan aspirasi pelancongan Islam, konsep pembangunan lestari dan dasar kerajaan negeri yang ada. Aspek keperibadian Melayu Islam Nusantara adalah antara pakej yang mampu mempromosikan keunikan industri pelancongan negeri Terengganu yang dikawal selia oleh Syariat Islam dan Maqasid Shariah. Hal ini tentunya lebih menarik jika pihak yang berwajib mensasarkan untuk lebih mempromosikan Terengganu sebagai 'Hub Pelancongan Keluarga' lantaran ciri keagamaan dan kesusilaan yang menjadi latar belakang Masyarakat Terengganu. Ini diyakini mampu menarik pelancong Islam khususnya dari gugusan kepulauan Nusantara dan Timur Tengah yang tentunya ingin menikmati suasana pelancongan yang mesra Islam, mesra keluarga dan mesra masyarakat. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya : "Wahai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara 10 kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal" (al-Quran. al-Hujurat: 13).

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan ribuan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah banyak memainkan peranan penting dan utama dalam menjayakan hasil kajian ini, iaitu The Sumitomo Foundation sebagai pembiaya 'Fiscal 2020 Grant for Japan-Related Research Projects', bagi Tahun 2020 yang bertajuk 'Japanese Heritage in Bukit Besi Iron Ore Mining and Its Potential in The Terengganu Tourism Industry', Kod Penyelidikan 208401- 46. Akhir sekali, ketua penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik yang telah bertungkus-lumus dan memberi kerjasama yang tinggi dan mantap dalam kajian ini.

RUJUKAN

Buku

- al-Jirjāwī, 'Alī Aḥmad. (2018). *Ḥikmat al-Tashrī' wa Falsafatuhu*. Cairo: Dār al-Salām, 198-201.
- Ibrāhīm Mustafā, Aḥmad Zayyāt, Hāmid 'Abd al-Qādir dan Muḥammad al-Najjār. (t.t). *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. 467. Np: Npb.
- Inskeep, Edward; Che Elaine Che Hassan.; Norlida Abd. Halim. (1996). *Perancangan Pelancongan: Pendekatan pembangunan bersepadu dan berkekalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mathieson, A. & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. London: Longman.
- Muhammad Abu Bakar. (2021). *Pengantarabangsaan Sebuah Penempatan- Syarahan Kursi Sultan Mizan Zainal Abizin*. Kuala Terengganu : Penerbit UniSZA.
- Rashid Hamat. (2019). *Zaman Prasejarah Terengganu*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 23.
- Salasiah Hanin Hamjah & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2010). *Pembudayaan Nilai-Nilai Islam dalam Pelancongan*. Dlm: Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, 103-122. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik. (2010). *Pemakaian Hukum Islam Secara Bersepadu dalam Penentuan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : APIUM, 128.
- Weaver, D. B. (1998). *Ecotourism in the less developed world*. New York: CAB International.

- World Tourism Organization. (2019). International Tourism Highlights, 2019 Edition. Madrid: UNWTO. DOI: <https://doi.org/10.18111/9789284421152>.
- Zaini Ujang. (2009). *Minda Lestari : Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*, Johor : Penerbit UTM, 252-254.

Jurnal

- Ghani, N. A., Chik, W. M. Y. W., Wahab, M. A. A., & Ghazalli, F. S. M. (2022). Social Deprivation and its Threats to Social Well-Being According to The Perspective of Maqasid. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1942-1955.
- Haliza Abdul Rahman. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 506-518. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/speciallissue2018/jsass_khas02_037_haliza.pdf
- Harashina, S. (1996). Environmental Planning on Urban Level. *Discussion Paper 96-6*. Dept of Social Engineering. Tokyo Institute of Technology, Tokyo.
- Jamaluddin MD. Jahi. (2009). Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Pinggir Pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management* 10(2) 71-88. <https://core.ac.uk/download/pdf/11491364.pdf>
- Marilah Sarman, Nor Shahidah Mohd Nazer, Kadderi Md Desa, Azimah Husen, Norasiah Sulaiman & Amir Huzairy. (2019). Anthropogenic Geoasset Exploration in Bukit Besi for Geotourism Development: A Preliminary Study. *Sains Malaysiana*, 48(11), 2483-2491.
- Matura Phanos. (2018). Factors Influencing Tourism Demand For Masvingo Province In Zimbabwe. *European Journal Of Social Sciences Studies*. 3(1). 1-13.
- Md Ali, A. W., Wan Chik, W. M. Y., Sulaiman, A. W., & Ghani, M. H. (2021). Elements Of Tourism In Sirah Nabawiyah: Analysis On Al-Rahiq Al-Makhtum By Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 10(1), 1-11. <https://perdanajournal.com/index.php/perdanajournal/article/view/110>
- Mohamad, Z.F., Nasaruddin, A, Kadir. SNA, Musa, M N. Ong, BL, Sakai, N., (2015). Community-based shared values as a 'Heart-ware' driver for integrated watershed management: Japan-Malaysia policy learning perspective. *Hydrology*, 530, 317-327. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S002216941500726X>
- Mokhtar Jaafar, Asmah Ahmad, Zaini Sakawi, Maimon Abdullah, Norela Sulaiman, Normukhnun Mokhtar. (2009). Indeks Kualiti Air (IKA) Sg. Selangor pasca pembinaan Empangan Sg. Selangor. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, 5(3), 68-75.
- Muhammad Faiz Ramli & Hanizah Idris. (2016). Pembangunan Mampan Pelancongan Maritim Di Pulau Perhentian, Terengganu. *JATI (21)*, 108-124. Selangor : Universiti Malaya. <https://jati.um.edu.my/index.php/jati/article/view/5495/3263>
- Sieng, K. T., & Eboy, O. V. (2021). Pemetaan Jejak Warisan untuk tujuan Pelancongan Lestari Menggunakan GIS di Tambunan. *Jurnal Kinabalu*, 27(1), 57-80.
- Siti Maslina Masdey & Zuliskandar Raml. (2018). Potensi Pelancongan Berasaskan Warisan di Bandar Hilir, Melaka : Analisis Swot. *Asian Journal of Environment, History Heritage*, 3(1): 253-265.
- Syed Omar, S. H., Baru, R., Zin, E. I. E. W., Chik, W. M. Y. W., Mohamad, M. Z., Ali, E. M. T. E., & Othman, M. S. (2014). Works by Terengganu's scholars of the 19th century in dignifying the study of Islamic knowledge based on the al-Qur'an. *Asian Social Science*, 10(9).
- Wan Mohd Yusof Wan Chik & Abdul Karim Ali. (2015). Konsep al-Ta'abudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Usuluddin*, 41, 1-20. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol41no1.1>

- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman, Abdullah Alqari Mohd Zabudin. (2018). Filantropi : Satu Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi. *Asian People Journal*, 1(1), 13-13. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/11>
- Zeeda Fatimah Mohamad, Affan Nasaruddin, Siti Norasiah Abd Kadir, Mohd Noor Musa, Benjamin Ong, Nobumitsu Sakai. (2015). Community-based shared values as a 'Heart-ware' driver for integrated watershed management: Japan-Malaysia policy learning perspective. *Journal of Hydrology*, 530, 317-327 <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S002216941500726X?via%3Dihub>

Laman Sesawang

- Ala-Hamarneh, A. (2011). Islamic tourism: A long term strategy of tourist industries in the Arab world after 9/11. Centre for Research on the Arab World. Retrieved from// <http://www.staff.unimainz.de/alhamarn/Islamic%20Tourism%20%20paper%20for%20BRISMES%202004.htm>. (diakses pada 14 September 2018)
- Awani. (2019). Pendekatan kerohanian pulihkan penagih dadah. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendekatan-kerohanian-pulihkan-penagih-dadah-211963> (diakses pada 12 September 2023)
- Awani. (2022). Pasca COVID-19: Trend percutian, pelancongan semakin berubah. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/pasca-covid19-trend-percutian-pelancongan-semakin-berubah-369396> (diakses pada 12 September 2023)
- Islamic Tourism Centre. <https://itc.gov.my/corporate/about-us/> (diakses pada 12 Oktober 2023).
- Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu. (2017). <https://tourism.terengganu.gov.my/index.php/2013-03-25-09-16-43/visi-misi> (diakses pada 15 Oktober 2023)
- Kerajaan Negeri Terengganu. (2023). Belanjawan 2024 Terengganu Garis 10 Sasaran Utama. <https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/arkib/berita-semasa/2193-belanjawan-2024-terengganu-garis-10-sasaran-utama> (diakses pada 20 Disember 2023).
- Metro. (2023). RM350 juta rancakkan industri pelancongan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019678/rm350-juta-rancakkan-industri-pelancongan> (diakses pada 20 Disember 2023).
- Sinar. (2023). Belanjawan 2024: Tahun Melawat Malaysia sasar 26.1 juta pelancong. <https://www.sinarharian.com.my/article/629127/berita/nasional/belanjawan-2024-tahun-melawat-malaysia-sasar-261-juta-pelancong> (diakses pada 20 Disember 2023).
- Statista. (2023). Tourism in Malaysia - statistics & facts. <https://www.statista.com/topics/5741/travel-and-tourism-in-malaysia/#topicOverview> (diakses pada 20 Disember 2023).

Seminar & Prosiding

- Balqis Ibrahim, Marwa Zahidah Mat Ropi, Nurizzati Zahidi, Fazlina Abdullah, Nur Illina Zulkifli & Wan Mohd Yusof Wan Chik. (2020). *Pelancongan Islam dan Peranannya dalam mempromosikan kesejahteraan Hidup Di Negeri Terengganu*. Proceedings of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, Terengganu: TATI-UC & INSPIRE-UniSZA, 214, 228. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-22.pdf>
- Masitah Muhibudin, Badaruddin Mohamed & Gelareh Aboali. (2010). *A Review on Urban Tourism Development in Malaysia*. Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. 205-211.
- Mohd Hilmee Umar, Muhamad Faisal Ashaari. (2019). *Pelaksanaan dan pengurusan masjid pelancongan di Malaysia*. E-book of Masjid, Zakat and Waqf Management 2018

- (IMAF 2018), E-ISBN 978-967-4-5. 4th December 2018. Bangi : KUIS, 16.
<http://conference.kuis.edu.my/i-maf/images/e proceedings/2018/PAPER-2-HILMEE-.pdf>
- Nakamura, Masahisa. (2010). *Managing World's Lentic Waters Integrated Lake Basin Management*. http://rcse.edu.shiga-u.ac.jp/gov-pro/plan/2010list/10/thematic-ilbm_concept_nakamura/ilbm_nakamura_final_review_meeting_2010.11_ppt.pdf
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2010). *Islamic tourism: A conceptual framework*. Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. 143-148.
- Nor Fiteri Abdullah & Masnisah Mukhtar. (2014). *Konsep Pelancongan Islam: Suatu Pengamata*, Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik (SKPI).
https://www.researchgate.net/publication/318671912_Konsep_Pelancongan_Islam_Satu_Pengamatan .
- Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2015). *Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran. 471-485.

Tesis

- Wan Mohd Yusof Wan Chik. (2010). *Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu Dalam Penentuan hukum Islam di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.